

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SARAWAK)
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :
YUSSRI B SAWANI

PENYELARAS :

PENULIS :

1. SAIMI BIN BUJANG
2. MOHAMMAD ISA BIN MOHAMADIN
3. YUSSRI B SAWANI
4. FAREINY BINTI MORNI
5. NOOR SHIMA BINTI ANTONY
6. DAYANG NORDIANA BINTI AWANG OTHMAN
7. SHAFIZA BINTI SALLEH

8. KHYROL ETTY BINTI ABDUL HAMID
9. YAZIZ BIN KASIM
10. IMILIA BINTI IBRAHIM
11. DAYANG NAZARI BINTI AWANG DRAHMAN
12. UMMI AMINAH BINTI ZAMHARI
13. ALIA FATIN BINTI IBRAHIM
14. SABARIAH BINTI ABD SAMAD
15. MOHAMAD HASIMI BIN ABDULLAH
16. MOHAMMAD ARIF BIN SAHAT
17. MOHAMAD SYAFIE BIN HAMDIN
18. WAN FAKHRURRAZI BIN WAN DAHALAN
19. FAZILAWATI BINTI OTHMAN
20. AZIANA BINTI MOHAMAD IBRAHIM
21. WAN ABDUL RAHIM BIN WAN AHMAD
22. QAYYUM ADHWA BIN ABU BAKAR
23. NORHAYATI BINTI UMAR
24. MOHD FAUZI BIN ZAINUDDIN
25. ABDUL HAFIZ BIN ABDUL KHALID
26. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
27. ROSMAN BIN YAHYA
28. MUHAMMAD NAZMI BIN NAZARUDIN
29. MALVERN ABDULLAH
30. ZAINON BINTI HAJI BIBI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik digunakan sepenuhnya sebagai perancangan induk oleh kepimpinan UiTMCS untuk memastikan teras strategik universiti dicapai. Perancangan dibuat secara menyeluruh di pelbagai peringkat pengurusan. Ia bermula dengan penetapan teras, *Global Excellence*, yang berkaitan dengan BT, berdasarkan objektif strategik untuk menjalankan inisiatif strategik yang telah berjaya mencapai hasil yang besar. Setiap usaha strategi BT mempunyai perancangan terperinci. Input dari semua peringkat adalah dipentingkan untuk perancangan yang lebih teliti untuk memastikan ia dapat dicapai. Dalam merancang pelan tindakan inisiatif strategi dalam BT, kekuatan, kekurangan, peluang dan ancaman telah dinilai dan risiko tidak mencapai sasaran telah dikenal pasti. Pelan tindakan kekal relevan melalui proses semakan inisiatif secara berkala untuk mencapai objektif strategik.

Komunikasi dalam pelaksanaan **perancangan** strategik BT diberi penekanan oleh kepimpinan UiTMCS. Proses awal bermula dengan menyebarkan perancangan strategik kepada semua ahli UiTMCS. Ini dilakukan dengan matlamat untuk memupuk pemahaman yang mendalam tentang hala tuju UiTMCS. Penyebaran ini bertujuan untuk memberitahu warga tentang peranan mereka dalam menjayakan perancangan strategik UiTMCS. Pengurusan UiTMCS menggunakan Unit Perancangan Strategik untuk memberikan perancangan strategik kepada ketua bahagian dan unit. Setiap bahagian atau unit telah melakukan pelbagai usaha untuk mencapai objektif strategi BT, seperti yang dinyatakan dalam pelan tindakan strategik. HEP, HEA dan PJI melaksanakan pelan strategi BT.

Pemantauan inisiatif strategi UiTMCS dijalankan dengan cekap dan berkensan. Semua peringkat pelaksanaan diperiksa untuk mencari isu pencapaian prestasi pada peringkat awal secara berkala. Pendekatan pemantauan ini telah memastikan objektif strategi telah dicapai melalui pelan tindakan, dan ia juga membolehkan UiTMCS mengenalpasti isu dan menentukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan pada peringkat awal.

Pemantauan di peringkat pelaksana dijalankan melalui pelaporan bulanan di peringkat bahagian. Di peringkat pengurusan, pemantauan dijalankan setiap bulan melalui pelaporan prestasi bahagian dalam MPE dan MPD. Setiap bahagian **mengkaji semula pelan tindakan** strategik setiap setengah tahun untuk menilai pencapaiannya. Jika terdapat masalah dengan pelan tindakan, perubahan dibuat dan tindakan penambahbaikan dijalankan untuk memastikan inisiatif strategi boleh dilaksanakan untuk mencapai objektif strategik. Pemantauan juga dijalankan melalui aduan dan maklum balas pelanggan. Pegawai yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan dimaklumkan hasil aduan maklum balas pelanggan untuk mencari punca isu.

UiTMCS mengamalkan pendekatan yang **reaktif dan responsif** terhadap hasil dapatan pemantauan pelaksanaan inisiatif perancangan strategik (PS). Arahan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan di dalam MPD, MPE dan MKSP. Pelaporan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terus kepada penyelia untuk penilaian tindakan dibuat dengan segera. Selain dari arahan tindakan melalui mesyuarat,

UiTMCS juga **mengamalkan tindakan segera** yang boleh diambil oleh pegawai bertanggungjawab tanpa menu kelulusan peringkat tinggi bagi tindakan-tindakan yang tidak melibatkan polisi atau komitmen sumber tambahan. Kesimpulannya, dalam memastikan memastikan keberhasilan BT sentiasa relevan dalam membantu mencapai hala tuju universiti dan negara, kepimpinan UiTMCS komited dalam memastikan setiap proses PDCA dibuat dengan sistematik, dinamik dan responsif.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Sasaran UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia pada tahun 2025 (GRU2025), didasarkan kepada **tiga teras strategik utama** iaitu **pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berasaskan nilai**. Kepimpinan UiTMCS mengguna pakai kaedah menyeluruh dan sistematik dengan melaksanakan program secara berstruktur dalam penyediaan pelan tindakan dan pelaksanaan inisiatif BT untuk memastikan pencapaian teras strategik.

Perancangan Strategik (PS) 2025 UiTM menjadi **asas utama** hala tuju dan gerak kerja pengurusan UiTMCS bagi tahun 2022. Pelan tindakan Perancangan Strategik UiTMCS mengambil kira dan meliputi **hala tuju dan garis panduan peringkat antarabangsa** dalam aspek SDG, kebangsaan, kementerian, dan negeri (**Bukti 1.2.1**). UiTMCS telah memainkan peranan yang berkesan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti untuk **mencapai GRU2025**. UiTMCS komited dalam mencapai **objektif universiti (OS)** berpandukan kepada teras pendidikan berkualiti yang **berpaksikan** kepada keusahawanan dan graduan yang seimbang dan holistik dalam menjayakan BT.

UiTMCS mengambil pendekatan inovatif yang **berfokuskan pada tiga (3) keberhasilan utama (Bukti 1.2.2): *World Beaters, More Than Just a Scroll* dan #kamipeduli**. Pendekatan ini telah dijadikan panduan BT pengurusan dan pembangunan pelajar untuk memastikan keseimbangan kualiti graduan yang dilahirkan. Garis panduan, teras strategi dan objektif strategi **dihubungkan dan dipetakan** bagi memastikan hala tuju UiTMCS dalam BT sentiasa relevan dan berkesan (**Bukti 1.2.3**). Ini dilakukan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memperkasakan BT di pelbagai peringkat pengurusan. Inisiatif BT UiTMCS melibatkan pelbagai pihak, termasuk kerajaan, industri, institusi akademik, staf, pelajar dan komuniti tempatan serta antarabangsa.

Kepimpinan kanan UiTMCS melaksanakan perancangan secara **sistematik, berintegriti dan berketerlibatan** untuk memastikan **inisiatif** BT dilaksanakan dengan efektif berdasarkan data terkini dan penilaian pencapaian lepas. **Pelbagai pendekatan inovatif** juga dilaksanakan demi memastikan pengurusan yang lebih berkesan. Dalam usaha untuk memastikan UiTMCS mencapai semua petunjuk prestasi PS, seluruh warga dan pemegang taruh dilibatkan secara langsung dalam aktiviti BT berdasarkan nilai **SARAWAK**.

Pendekatan inovatif ini menekankan penglibatan warga dengan **sistem tadbir urus yang berkualiti dan berakauntabiliti** untuk mencapai kecemerlangan UiTMCS. Penekanan kepada kesepaduan di kalangan warga UiTMCS dan komuniti bertujuan untuk mewujudkan sebuah **kampus yang lestari** dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar (**Bukti 1.2.4**). UiTMCS menanganai cabaran dan tuntutan dengan kebijaksanaan, keaslian dan nilai kasih sayang.

UiTMCS memainkan peranan penting untuk mencapai hala tuju negara melalui **keterlibatan dan kepimpinan kanan yang komited** bagi memastikan kejayaan BT (**Bukti 1.2.4**). Semua warga UiTMCS didedahkan dengan pelaksanaan inisiatif yang **efektif dan efisien** dalam aspek kos melalui pendekatan inovatif pengurusan **Jana, Jimat dan Jariah**.

Pelan Penggantian UiTMCS yang **dinamik dan proaktif** membolehkan kebersediaan calon pengganti dalam menjayakan BT. Calon pengganti telah dilibatkan dengan latihan kepimpinan melalui sistem latihan khusus dan pendedahan semasa bekerja. Pengurusan atasan juga berfungsi sebagai mentor di mana calon dilatih melalui kerja berkumpulan, menguruskan sumber dan komunikasi berkesan (**Bukti 1.2.5**). Penglibatan pengurusan dalam JK kerajaan